

UPM ranking 16 dunia

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) berjaya meningkatkan ranking penarafan *UI-GreenMetric World University Ranking* 2013 ke tempat 16 berbanding 19 pada tahun lalu.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr. Mohd Fauzi Ramlan berkata, daripada 301 universiti seluruh dunia yang menyertai penarafan itu, UPM muncul universiti ranking tertinggi dari benua Asia dan Malaysia berbanding 15 kedudukan universiti teratas dari negara barat.



**PROF. DATUK
FAUZI RAMLAN**

“Peningkatan ranking UPM kerana kecemerlangan dalam mempromosi kelestarian melalui usaha pemuliharaan alam sekitar dan teknologi hijau secara aktif sejak kebelakangan ini.

”Penarafan itu mengambil kira komitmen dan usaha UPM untuk memastikan kelestarian, kehijauan kampus dan alam sekitarnya seperti saiz dan infrastruktur keluasan kawasan hijau selain penggunaan tenaga yang cekap di kampus,” katanya.

Dr. Mohd Fauzi menambh, penarafan itu turut menilai adaptasi teknologi hijau, penguatkuasaan polisi lestari serta pengurusan kenderaan dan pengurusan bahan buangan di kawasan kampus.

“Dalam ranking itu, University of Nottingham, United Kingdom menduduki tempat pertama, diikuti University College Cork National University of Ireland dan Northeastern University, Amerika Syarikat, masing-masing di tempat kedua dan ketiga. Universiti tempatan lain yang turut tersenarai ialah Universiti Teknologi Malaysia (98), Universiti Malaya (213) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (276).